

PENGHASILAN KARYA ASLI 'PENCARINYA' MELALUI KAEDAH INTUITIF DAN SEMIOTIK

Amilia @ Emil binti Hasan
Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Port Dickson
E-mel: emil4516@polipd.edu.my

ABSTRAK

Puisi merupakan ekspresi jiwa melalui kata-kata dalam ruang teks yang padat dengan makna tersirat. Struktur puisi terdiri daripada dua aspek utama, iaitu bentuk luaran dan dalaman. Puisi yang seimbang pada kedua-dua aspek ini akan menghasilkan karya seni yang bermutu. Penulisan puisi boleh dihasilkan melalui pelbagai pendekatan, termasuk kaedah intuitif dan semiotik. Maka penulisan ilmiah ini menerangkan proses penghasilan karya asli berjudul Pencarinya dengan menggunakan kedua-dua kaedah tersebut. Kajian ini bukan memberi tumpuan kepada analisis kandungan puisi secara terperinci, tetapi menumpukan kepada proses penciptaan karya tersebut dari perspektif penulis. Kaedah intuitif merujuk kepada gerak hati atau naluri penulis yang bertindak sebagai pemicu awal dalam proses pembentukan idea dan tema puisi. Tambahan pula, kaedah semiotik membantu dalam mengenal pasti serta memilih tanda, simbol dan makna yang sesuai bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis lebih jelas, tersusun dan berkesan kepada pembaca. Model konsep Petervari et al. (2016), digunakan sebagai kerangka rujukan bagi menstrukturkan perjalanan idea daripada peringkat masalah yang tidak jelas kepada penyelesaian kreatif. Penggunaan model ini membantu penulis memahami dan menjejak semula proses reflektif dan ekspresif yang dilalui semasa menghasilkan puisi tersebut secara lebih teratur. Selain itu, kajian ini bersifat kualitatif deskriptif kerana ia lebih menumpukan kepada proses kreatif dan penerokaan kaedah dalam menghasilkan puisi berbanding hasil akhir semata-mata. Maka, puisi penulis bertajuk "Pencarinya" ini menggambarkan perjalanan individu dalam mencari ilmu. Manakala watak-watak simbolik seperti Si Buta, Si Celik dan Si Kaya digunakan oleh penulis untuk mewakili pelbagai golongan manusia dan pendekatan mereka terhadap ilmu. Penulis berharap penulisan ini mampu menyumbang kepada perkembangan penulisan kreatif tempatan dengan menunjukkan bahawa penghasilan puisi bukan hanya bergantung pada inspirasi spontan, malah ia juga boleh berpandukan pada pendekatan yang sistematis dan berstruktur. Kajian ini turut memberi panduan serta nilai tambah kepada pengkarya lain dalam memahami proses kreatif mereka sendiri, memperkukuh pemikiran sastera, dan memperkayakan khazanah penulisan sastera tanah air.

Kata kunci: puisi; kaedah; ilmu

1. PENDAHULUAN

Puisi merupakan ekspresi jiwa seseorang yang disampaikan melalui medium bahasa dalam satu ruang teks yang tersusun. Menurut Lim, S. T. (2002), makna puisi adalah bersifat subjektif dan bergantung kepada pemahaman serta pengalaman pembaca itu sendiri, sama ada individu tersebut atau orang lain. Selain itu, Shahidan, M. (2001), menyatakan bahasa memainkan peranan penting sebagai alat penyampaian dalam puisi kerana ia mampu menyalurkan perasaan dan memberikan makna yang mendalam kepada sesebuah karya. Ini turut disokong oleh Azmi (2016) dan Za'ba (1965) yang menyatakan bahawa puisi digunakan untuk melafazkan fikiran yang indah melalui bahasa yang memikat dan penuh keindahan, sekali gus menarik perhatian pembaca dan pendengar.

Lebih daripada sekadar karya seni, puisi berperanan sebagai medium komunikasi yang menyampaikan kejujuran dan kebenaran dalam bentuk yang puitis. Ia harus mampu menjalin hubungan kemanusiaan serta membina ikatan persahabatan antara insan. Dalam erti kata lain, puisi juga merupakan satu proses perkembangan jiwa dan pemikiran. Oleh itu, puisi seharusnya berfungsi bukan hanya sebagai hiburan sastera semata-mata, malah juga sebagai medium penyampaian ilmu, nilai murni, serta wadah pendidikan yang efektif.

Sehubungan itu, dalam proses penciptaan puisi, penggunaan kaedah intuitif merupakan salah satu pendekatan yang penting. Menurut Airul, A. A. (2023), intuitif merujuk kepada gerak hati atau naluri dalaman penulis yang mengandungi unsur rasional dan intelektual, yang membolehkan seseorang memahami sesuatu subjek sebelum diterjemahkan ke dalam penulisan. Kaedah ini bukanlah sekadar tindak balas emosi spontan, sebaliknya melibatkan pemikiran yang mendalam berdasarkan pengalaman, kesedaran intelektual, dan penilaian peribadi. Justeru, dalam konteks puisi, pendekatan intuitif membantu penulis menyerap suasana, nilai dan makna kehidupan secara mendalam, lalu menzahirkannya dalam larik-larik puisi yang penuh makna.

Selain itu, pendekatan semiotik turut memainkan peranan penting dalam memperkayakan penghasilan puisi. Semiotik ialah cabang ilmu yang mengkaji sistem tanda dan makna, khususnya dalam bahasa dan simbol yang digunakan oleh penyair. Pemilihan kata dalam puisi sering membawa maksud tersirat, dan melalui pendekatan semiotik, pembaca dapat mentafsir simbol-simbol serta mesej tersembunyi yang ingin disampaikan oleh penulis. Ini bukan sahaja mempertingkatkan kefahaman, malah meningkatkan penghargaan terhadap nilai estetika dan intelektual dalam puisi.

Apabila digabungkan kedua-dua pendekatan ini, penghasilan puisi menjadi lebih seimbang dari segi bentuk dan isi. Kekuatan emosi dalaman penulis dipadukan dengan pemahaman terhadap simbol dan tanda, menjadikan karya puisi lebih bermakna, indah dan mendalam. Pemilihan kata, gaya pengucapan, kandungan mesej serta persembahan keseluruhan mencerminkan bukan sahaja keindahan bahasa, tetapi juga nilai pemikiran dan spiritual yang tinggi.

Kebanyakan penghasilan sesebuah puisi dilihat sebagai penghasilan spontan dan bersifat peribadi. Malahan ia tiada penjelasan tentang kaedah atau proses yang digunakan dalam penghasilannya. Oleh itu, penulisan ini akan menunjukkan bahawa puisi 'Pencarinya' dihasilkan secara sedar iaitu melalui proses yang berpandukan model konsep, struktur dan kaedah yang tertentu. Selain itu, objektif kajian ini ialah untuk mengupas konsep dan aplikasi kaedah intuitif dalam proses penciptaan puisi, mengenal pasti elemen-elemen semiotik yang terkandung dalam puisi, serta menghasilkan sebuah karya puisi yang menggabungkan pendekatan intuitif dan semiotik secara harmonis.

Penghasilan kajian ini penting dalam konteks penulisan kreatif tempatan kerana ia membuka ruang pemahaman baharu terhadap proses penciptaan karya puisi. Lazimnya, penulisan puisi dilihat sebagai hasil ilham semata-mata, tanpa didokumentasikan proses kreatifnya. Melalui kajian ini, penggunaan kaedah intuitif dan semiotik dalam menghasilkan puisi 'Pencarinya' dapat dijadikan rujukan atau panduan kepada penulis lain, khususnya dalam kalangan penulis baharu yang ingin memahami bagaimana sesuatu karya boleh dihasilkan secara sedar dan berpandukan kaedah. Ini juga dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang penulisan kreatif Melayu yang bersifat akademik dan sistematik.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Intuitif


Intuitif berasal daripada kata dasar bahasa latin iaitu *intueri* yang bermaksud melihat ke arah sesuatu atau merenung secara mendalam. Manakala Kamus Dewan Edisi Keempat (2025), intuisi ialah daya atau kebolehan memahami (mengetahui, merasai) sesuatu tanpa berfikir atau membuat pertimbangan secara sedar iaitu ia merujuk pada gerak hati. Intuisi ialah keupayaan seseorang untuk merasakan atau memahami apa yang mungkin berlaku dalam sesuatu keadaan, meskipun tanpa maklumat yang lengkap (Jung, 2014). Perspektif Islam menjelaskan intuisi merupakan keupayaan dalaman yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia untuk memahami sesuatu tanpa keperluan berfikir secara

mendalam atau melalui proses pembelajaran formal. Dalam kerangka ini, intuisi sering dikaitkan dengan konsep khatrah (bisikan hati) dan idrakul qalbi (gerak hati). Bisikan hati biasanya datang secara spontan dan bersifat sementara, mudah digantikan dengan bisikan yang lain. Sebaliknya, gerak hati membawa maksud yang lebih mendalam, iaitu keupayaan hati untuk menyingkap makna tersembunyi berdasarkan petunjuk Allah melalui tanda-tanda, simbol atau sandi yang difahami oleh hati yang bersih dan intuitif.

Puisi pula antara hasil kreatif penulis yang menggunakan ekspresi jiwa yang diterjemahkan melalui bahasa dalam satu ruang teks yang tersusun agar dapat menyampaikan mesej kepada pembaca. Maka, proses penyelesaian masalah kreatif biasanya melibatkan dua tahap utama iaitu penjanaan idea dan penilaian idea. Kedua-dua tahap ini sering berlaku dalam situasi yang tidak berstruktur dan tidak mempunyai kriteria objektif yang jelas untuk menilai hasilnya. Oleh itu, intuisi memainkan peranan penting dalam kedua-dua tahap ini. Fasa penjanaan idea, intuisi membantu individu menggabungkan maklumat yang berbeza untuk membentuk corak atau idea baharu. Ini dikenali sebagai intuisi kreatif manakala fasa penilaian idea, intuisi membantu individu menilai kesesuaian dan keberkesanan idea berdasarkan pengalaman dan pengetahuan terdahulu. Ini dikenali sebagai intuisi penyelesaian masalah.

Oleh itu, Pétervári, J., Osman, M., dan Bhattacharya, J. (2016) mencadangkan satu kerangka konsep penyelesaian masalah kreatif yang menunjukkan intuitif turut terlibat di dalam proses penyelesaian masalah kreatif seperti pada Rajah 1.

Rajah 1: Kerangka Konsep Penyelesaian Masalah Kreatif - Sumber: Pétervári, J., Osman, M., dan Bhattacharya, J. (2016)




Merujuk pada Rajah 1, Tanda bintang berwarna merah menunjukkan peringkat di mana intuisi sangat diperlukan untuk bergerak ke peringkat seterusnya. Manakala tanda bintang berwarna jingga menunjukkan peringkat di mana intuisi boleh digunakan, tetapi tidak wajib, untuk terus ke peringkat seterusnya. Kebanyakan masalah boleh diselesaikan melalui salah satu atau kedua-dua laluan ini. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa kaedah intuitif banyak digunakan dalam penyelesaian masalah kreatif seperti lukisan, teater dan puisi.

2.2 Semiotik

Semiotik adalah satu bidang ilmu tanda yang utama dalam sains sosial agar dapat menzahirkan makna-makna dan signifikasi. Kaedah menafsirkan tanda berkait dengan hubungan segitiga asli (*genuine triadic*) yang diperkenalkan oleh Peirce pada 1965 iaitu *representamen*, *object* dan *interpretant* seperti pada Rajah 2.

Rajah 2: Hubungan Segitiga Asli - Sumber: Peirce,(1965:274)



Malahan, Abdul Halim, A. (2009) menyatakan ilmu ini menitikberatkan soal kebahasaan dengan penumpuan kepada sistem pelambangan dan petanda dalam teks. Selain itu, Koon, W. S. (1987) mempercayai bahawa penggunaan semiotik akan dapat memperkaya bahasa dalam semua bidang cipta sastera khususnya bidang pemuision. Ini turut diakui oleh Mana, S. (2001) menyatakan Michael Riffaterre dalam *Semiotics of Poetry* (1978) telah membuktikan bahawa kajian semiotik terhadap puisi sangat sesuai, kerana ia dapat menghuraikan segala unsur-unsur eksploitasi puitis. Malahan semiotik turut memberi ruang kepada pemuisi mengajak minda pembaca untuk lebih kritis mentafsir dan menginterpretasi makna dalam karya ciptaan pemuisi itu.

Oleh itu, Shahidan, M. (2022) dalam petikan artikel Utusan Malaysia menyatakan penguasaan pemuisi dalam semiotik Riffaterre membolehkan mereka mengenal, mentafsir dan memberi makna dalam karya masing-masing. Hanik, M. (2020) menjelaskan proses mentafsir makna puisi menurut pendekatan semiotik Riffaterre terdapat empat tahap iaitu puisi sebagai ekspresi tidak langsung; pembacaan heuristik dan hermeneutik; tema; dan hipogram.

Selain itu, Aida Qamariah (2018) menyatakan pendekatan semiotik Riffaterre pada aspek puisi sebagai ekspresi tidak langsung terdapat tiga cara penyimpangan simantik dalam penulisan puisi iaitu penggantian; penyimpangan dan penciptaan. Umumnya kata-kata puisi ialah kata-kata kiasan yang menggantikan makna sesuatu yang lain yang hendak disampaikan oleh pemuisi kepada pembaca. Malahan pembacaan puisi secara heuristik dan hermeneutik dapat membantu pembaca dalam menginterpretasi makna puisi. Hermeneutik merupakan pembacaan yang menceritakan tentang isi keseluruhan yang hendak dibawa dalam karya puisi ini. Malah, hermeneutik ialah pembacaan berulang-ulang dari awal hingga akhir teks sehingga pembaca dapat memahami dan mentafsir keseluruhan teks (Tengku Intan Marlina.TMA, 2018).

Aspek tema dapat diklasifikasikan melalui mengenalpasti unsur-unsur matriks, model dan varian. Matrik ialah sumber seluruh makna yang terdapat di dalam puisi. Matriks diperolehi daripada model. Model ialah kiasan atau kata-kata yang mewakili baris dalam puisi. Model dapat diperincikan dalam bentuk varian-varian yang terdapat pada setiap baris. Varian-varian ialah uraian atau cerakinan dalam baris. Manakala hipogram ialah kaitan antara puisi dengan sejarahnya. Bahkan hipogram merupakan penafsiran peristiwa, sejarah, tempat atau kehidupan oleh pembaca.

2.3 Hasil Puisi Gabungan Intuitif Dan Semiotik

Selain itu, pendekatan semiotik turut memainkan peranan penting dalam memperkayakan penghasilan puisi. Pemilihan kata dalam puisi sering membawa maksud tersirat, dan melalui kaedah semiotik, pembaca dapat mentafsir simbol-simbol serta mesej tersembunyi yang ingin disampaikan oleh penulis. Ini bukan sahaja mempertingkatkan kefahaman, malah meningkatkan penghargaan

terhadap nilai estetika dan intelektual dalam puisi. Apabila digabungkan kedua-dua kaedah ini, penghasilan puisi menjadi lebih seimbang dari segi bentuk dan isi. Kekuatan emosi dalaman penulis dipadukan dengan kefahaman terhadap simbol dan tanda, menjadikan karya puisi lebih bermakna, indah dan mendalam. Pemilihan kata, gaya pengucapan, kandungan mesej serta persembahan keseluruhan mencerminkan bukan sahaja keindahan bahasa, tetapi juga nilai pemikiran dan spiritual yang tinggi.

3. METODOLOGI

Pada bahagian ini, penulis akan membincangkan rekabentuk kajian, proses penghasilan karya kreatif, serta analisis data yang terlibat dalam penghasilan puisi bertajuk *Pencarinya*.

3.1 Rekabentuk Kajian

Penulis akan mengadaptasikan model konsep seperti pada Rajah 1 sebagai panduan dalam penghasilan puisi penulis. Selain itu, kaedah intuitif banyak digunakan pada fasa penjanaan idea. Kemudian penggabungan yang selari antara intuitif dan semiotik banyak digunakan semasa fasa penilaian dan penyelesaian kreatif bagi memastikan karya yang dihasilkan lebih seimbang dari segi bentuk dan makna. Gabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan proses penciptaan puisi berjalan secara lebih tersusun, bermakna dan berkesan.

3.2 Proses Penghasilan Puisi

3.2.1 Masalah yang Tidak Jelas

Puisi "Pencarinya" bermula dengan persoalan mendalam tentang pencarian ilmu yang hakiki iaitu suatu persoalan yang tidak mempunyai jawapan tunggal dan memerlukan renungan mendalam. Ini sejajar dengan konsep "masalah yang tidak jelas" dalam kerangka tersebut, iaitu penyelesaian tidak dapat dicapai melalui logik semata-mata, tetapi memerlukan pendekatan kreatif dan intuitif.

3.2.2 Sumber

Paradigma ialah cara fikir atau kepercayaan umum yang diterima oleh masyarakat tentang cara seseorang melihat sesuatu perkara. Memandangkan untuk mencari penyelesaian masalah yang tidak jelas, maka penulis menggunakan cara fikir yang biasa diterima oleh masyarakat khususnya orang Melayu seperti kalau rajin belajar, pasti pandai; belajar untuk dapat kerja bagus dan cantik itu keyakinan diri dan kebaikan hati. Kaedah intuitif banyak digunakan oleh penulis, berpandukan naluri dan refleksi peribadi untuk menyusun larik-larik bahasa serta makna yang sesuai dalam menyampaikan mesej puisi secara mendalam dan kreatif.

3.2.3 Penjanaan Idea

Semasa proses mencipta puisi ini, penulis menggunakan intuisi untuk menggabungkan pengalaman, emosi, dan pemahaman spiritual. Menurut Pétervári, J., Osman, M., & Bhattacharya, J. (2016), intuisi dalam penjanaan idea melibatkan proses yang cepat, spontan, dan tidak semestinya logik, yang menghasilkan idea-idea baru yang asli.

3.2.4 Penilaian Idea (Idea Evaluation)

Setelah idea-idea awal dihasilkan, penulis menilai dan memperhalusi puisi tersebut dengan menumpukan kepada ketepatan dan keindahan bahasa. Penilaian ini melibatkan perbandingan puisi *Pencarinya* dengan ciri-ciri puisi yang baik, khususnya dari aspek penggunaan bahasa, penyampaian mesej, dan keindahan makna. Selain itu, penulis turut menggunakan pendekatan semiotik yang selari dengan gerak hati (intuisi) bagi menilai kekuatan simbol dan tanda yang digunakan, agar mesej puisi

dapat disampaikan dengan lebih tepat, mendalam dan berkesan. Sehubungan itu, penulis menggunakan kaedah semiotik dalam penulisan kreatif itu agar memperkayakan bahasa dan larik-larik puitis dalam puisi itu. Penggunaan simbol seperti *si celik*, *si buta*, *si kaya*, *nya* untuk memberi ruang kepada pembaca untuk menginterpretasikan puisi tersebut mengikut definisi masing-masing. Selain itu kata-kata kiasan turut digunakan oleh penulis antaranya *menggalinya*, *alat tumpul perlu ditajam* dan lain-lainnya.

3.2.5 Penyelesaian Kreatif

Gabungan intuisi dan semiotik dalam penghasilan puisi ini membawa kepada penyelesaian kreatif yang unik, di mana puisi tersebut bukan sahaja menyampaikan mesej tentang pencarian ilmu, tetapi juga mengajak pembaca untuk merenung dan mentafsir makna yang lebih dalam.

3.3 Analisa Data dalam Penghasilan Puisi

Data dalam kajian ini diperoleh melalui pemerhatian penulis sepanjang proses penulisan puisi, catatan refleksi peribadi, dan maklum balas tidak formal daripada penggemar pembaca puisi. Penulis mencatat setiap idea, perubahan, dan sebab-sebab pemilihan kata, simbol atau imej yang tertentu agar dapat memberi idea kepada penulis semasa menulis puisi. Data ini dianalisis secara deskriptif dan reflektif, iaitu dengan melihat semula bagaimana gerak hati dan pemahaman penulis terhadap lambang serta tanda yang digunakan untuk membentuk makna puisi. Sebagai contoh, pemilihan watak “Si Buta” mewakili manusia yang mencari ilmu tanpa panduan, adalah hasil daripada gabungan rasa dalaman dan pemahaman tentang simbol buta dalam budaya Melayu. Proses ini membantu penulis memahami bagaimana dua kaedah ini saling melengkapi dalam menghasilkan puisi yang lebih bermakna dan tersusun.

4. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Berikut adalah hasil penyelesaian masalah kreatif yang dihasilkan oleh penulis:

*Si buta mencarinya untuk celik
Si celik mencarinya untuk kaya
Si kaya mencarinya untuk haloba
Tetapi
Mencarinya tanpa izin pemiliknya
Jadi sia sia*

*Ia itu bertuan
Bukan sembarangan milik insan.
Ia milik yang maha kaya
Mohonlah izin daripada tuannya dahulu
Sebelum menggalinya*

*Namun
apabila yang maha kaya membenarkannya
Si buta, Si Celik dan Si kaya
Tetap tidak berasa apa yang dicita
Setiap kali menggalinya*

*Lantas
Si buta, Si Celik dan Si kaya*

*Bertemu yang maha kaya
Bertanya:
“bagaimanakah untuk mencarinya?”*

*Jawab tuannya dengan penuh hikmah:
Ia bukan datang bergolek,
Ia lahir dari jerih dan perit,
Dalam susah, ada rahsia nikmat,
Dalam sabar, tersimpan hikmat.
Istiqamah jangan digugurkan,
Guru jangan dilupakan,
Ia mesti dituntut beralat,
Bila tumpul, tajamkan cepat
Agar tidak sasaran dan sesat.*

*Si buta, Si Celik dan Si kaya
Pencinta yang mencarinya
“Nya” itulah ilmu
Pencinta yang mencari ilmu
Tapi bukan menjadi haloba
Apatah lagi melangkaui yang maha kaya*

4.1 Perbincangan

Berdasarkan kepada penghasilan puisi *Pencarinya*, penulis menggambarkan tiga watak utama yang membawa makna simbolik kepada sifat dan sikap manusia dalam usaha menuntut ilmu. Watak-watak ini ialah *Si Buta*, *Si Celik*, dan *Si Kaya* dilakar dengan mendalam untuk mencerminkan pelbagai bentuk manusia yang berbeza dari segi niat, latar, dan pendekatan dalam mencari ilmu.

Watak *Si Buta* melambangkan golongan yang serba kekurangan dari sudut ilmu pengetahuan. Mereka hidup dalam kegelapan dan kejahilan, namun memiliki keinginan untuk berubah dan menjadi “celik”. Selain itu, *Si buta* bukan sekadar keadaan fizikal tetapi merujuk kepada kekosongan ilmu. Watak ini membawa mesej bahawa manusia yang tidak berilmu memerlukan bimbingan, kesabaran, dan kesungguhan untuk keluar dari kebodohan. Ia menunjukkan sifat rendah diri dan keinsafan terhadap keperluan kepada cahaya ilmu.

Sementara itu, *Si Celik* mewakili individu yang sudah memiliki asas pengetahuan, namun berusaha mencari ilmu dengan tujuan memperkayakan diri. Mereka bukan sekadar celik secara literal, malahan belum tentu jelas dalam arah tuju. Watak ini mencerminkan manusia yang memiliki potensi dan kesedaran, tetapi mudah sasaran sekiranya niat tidak diperbetulkan. Berdasarkan pada konteks puisi ini, penulis menggambarkan *Si Celik* mencari ilmu untuk menjadi kaya, yang menyiratkan penggunaan ilmu untuk kepentingan peribadi semata-mata. Ia memberi amaran bahawa ilmu tanpa tujuan yang murni boleh menyebabkan seseorang hilang arah.

Watak ketiga iaitu *Si Kaya*, melambangkan individu yang sudah memiliki kelebihan dari sudut kebendaan atau kuasa, tetapi masih mencari ilmu untuk memenuhi kehendak diri yang tamak. Watak ini mencerminkan sifat haloba dan kesombongan, kerana ilmu dicari bukan untuk manfaat masyarakat atau memperbaiki diri, tetapi untuk memperkukuh kuasa atau harta. Ini memberi gambaran bahawa kekayaan tanpa adab dan keinsafan boleh menyebabkan seseorang berasa tidak perlu tunduk kepada Allah, iaitu pemilik mutlak segala ilmu.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga watak ini bukan sahaja mewakili latar manusia yang berbeza, tetapi turut mencerminkan kepada peringkat-peringkat pencarian ilmu. Melalui penggunaan simbol dan gaya penceritaan yang puitis, puisi ini menyampaikan mesej mendalam bahawa ilmu bukan sekadar dicari, tetapi perlu dicari dengan adab, sabar, istiqamah, dan dengan izin dari Tuhan yang Maha Mengetahui. Setiap pencari ilmu perlu menyedari bahawa proses menuntut ilmu menuntut kerendahan hati, usaha yang gigih, serta panduan daripada guru agar tidak tersesat dalam pencarian.

5. KESIMPULAN

Puisi adalah antara karya kreatif yang mempunyai nilai estetikanya. Ia bukan sekadar kosa kata yang indah, tetapi turut memberi makna yang mendalam, berlapis dan simbolik. Semasa proses menghasilkan karya kreatif seperti puisi, khususnya puisi "Pencarinya", pemuisi perlu melalui dua tahap penting iaitu penjanaan idea dan penilaian idea. Kedua-dua tahap ini melibatkan proses dalaman yang kompleks, yang sering tidak dapat dijelaskan secara rasional atau linear. Maka peranan intuisi menjadi sangat penting.

Intuisi ialah gerak hati atau naluri dalaman yang membolehkan seseorang pengkarya menghasilkan sesuatu yang bermakna tanpa perlu melalui proses analisis yang mendalam atau logik yang ketat. Ketika penjanaan idea, intuisi mendorong pemuisi untuk menggali ilham daripada pengalaman hidup, nilai rohani dan emosi yang dirasakan secara mendalam. Sementara itu, dalam proses penilaian idea pula, intuisi dan semeotik membantu pemuisi untuk memilih larik-larik bahasa, simbol, dan imejan yang paling sesuai dan berkesan dalam menyampaikan mesej atau makna yang ingin diungkapkan dalam satu ruang teks yang tersusun. Selain itu, kaedah semiotik memainkan peranan pelengkap dalam penghasilan puisi. Pendekatan semiotik membolehkan pemuisi menggunakan simbol, tanda dan isyarat dalam puisinya bagi menyampaikan maksud tersirat yang lebih mendalam. Penggabungan intuisi dan semiotik, penghasilan puisi menjadi lebih bermakna dan berkesan dari segi bentuk dan isi. Maka, puisi bukan sekadar luahan perasaan, tetapi juga satu bentuk komunikasi kreatif yang menyentuh aspek intelektual, spiritual dan emosi pembaca.

Secara keseluruhan, penulisan ini telah mencapai objektif utamanya iaitu mengupas konsep dan aplikasi kaedah intuitif dalam proses penciptaan puisi, mengenalpasti elemen-elemen semiotik yang terkandung dalam puisi, serta menghasilkan sebuah karya puisi yang menggabungkan kaedah intuitif dan semiotik secara harmonis. Hasil penulisan puisi "Pencarinya" membuktikan bahawa proses kreatif bukan hanya bergantung kepada ilham spontan, malah boleh dirancang dan dibina secara sadar melalui pendekatan yang tersusun. Kajian ini boleh diperluaskan kepada analisis penerimaan pembaca terhadap puisi ini bagi menilai keberkesanan penyampaian mesej melalui kaedah semiotik. Selain itu, kaedah yang sama juga boleh diaplikasikan dalam genre penulisan kreatif lain seperti cerpen, esei reflektif atau drama pendek untuk melihat keberkesanannya dalam konteks genre yang berbeza. Hal ini bukan sahaja dapat memperluas pemahaman tentang proses kreatif, tetapi juga menyumbang kepada pemeraksanaan kaedah dalam penulisan sastera tempatan.

6. RUJUKAN

- Abdul Halim, A. (2009, November 16). *Teori dan kritikan sastera: Teras fundamental ilmu kesusasteraan*. Blogspot. <http://teorisastera.blogspot.com/>
- Airul Affendi, A. (2023, Julai 31). *Memahami intuitif, imaginatif dan impresif puisi dan tanda-tanda puitiknya*. Dewan Sastera. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2023/07/31/9994>
- Abdul Halim, A., & Ahmad Zainuri, L. A. (2010). *Warna hitam dalam sajak Usman Awang dan Mila*

- Karlo: Satu analisis semiotik Charles Sander Peirce. *Jurnal Peradaban Melayu* (Edisi Khas), 6, 25–33.
- Adam, M. S., & Nasir, B. (2017). Analisis pendekatan semiotik terhadap karya *Pembukaan* (2013) oleh Mohd Fuad Arif. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 5, 38–46.
- Ahamad, R. (2018). Analisis Data Kualitatif. *Jurnal Alhadharah*, 17(33), 81-95. <http://dx.doi.org/10.18592/alhadharah.v17i33.2374>.
- Aida, Q. I. (2018). *Semiotik Riffaterre dalam pantun kanak-kanak* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya). University of Malaya Student Repository. <http://studentsrepo.um.edu.my/12042/>
- Budi, S.P., & Dida, F. (2019). Analisis Semiotika Pada Puisi *Barangkali Karena Bulan* Karya Ws. Rendra. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(2), 269-276. <https://journal.ikipsiliwangi.ac.id/index.php/parole/article/view/2737>
- Bullock, O. (2015). From intuition to the unconscious. *Axon Journal*, 5(2). <https://www.axonjournal.com.au/issues/5-2/intuition-unconscious>
- Hanik, M. (2015). *Pembelajaran puisi: Teori dan penerapannya dalam kajian puisi Arab* (Buku). Universitas Negeri Malang.
- Hardman, T. J. (2021). Understanding creative intuition. *Journal of Creativity* 31, 2713-3745. <https://doi.org/10.1016/j.yjoc.2021.100006>
- Jyh, S. H. (2016). Analisis kajian sastra: Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan. *Akademika*, 86(2), 53–63. <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/11676/4822>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2025). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kodrat Eko, P.S., & Andayani, M.Pd. (2019). *Strategi Ampuh Memahami Makna Puisi. Teori Semoitika Michael Riffaterre dan Penerapannya*. Eduvision
- Mana, S. (2001). Teori Semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastra. *Jurnal Dewan Bahasa Pustaka*. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8692>.
- Mana, S. (2014). Sumbangan Drama Adaptasi Dalam Drama Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 9, (148-162).
- Mohd. Azrone, S. (2022, Julai 10). Kesamaran Semiotik dalam Puisi. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/gaya/sastra/2022/07/kesamaran-semiotik-dalam-puisi/>.
- Pétervári, J., Osman, M., & Bhattacharya, J. (2016). The Role of Intuition in the Generation and Evaluation Stages of Creativity. *Frontiers in Psychology*, 7 (1420), <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2016.01420>
- Siti Hajar, Z. (2021). Kajian Semiotik dalam Puisi *Benih Harapan* karya A. Samad Said: Pendekatan teori semiotik [Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. Perpustakaan UMK. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3774/>
- Tengku Intan Marlina, T. M. A. (2007). Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastra. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18, (141-153).
- Tengku Intan Marlina, T. M. A. (2018). Tinjauan buku Teori dan Kaedah Aplikasi dalam Karya. *Jurnal Melayu*, 17(2), 343–349.
- Siti Hajar, Z. (2021). *Kajian Semiotik dalam Puisi Benih Harapan Karya A. Samad Said: Pendekatan Teori Semiotik* [Tesis Keperluan Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. Perpustakaan UMK. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3774/>.
- Tengku Intan Marlina, T. M. A. (2007). Teori Semiotik Peirce Dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastra. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18, (141-153).
- Tengku Intan Marlina, T. M. A. (2018). Tinjauan Buku Teori dan Kaedah Aplikasi dalam Karya. *Jurnal Melayu*, 17(2), (343-349).
- Za'ba. (1965). Ilmu mengarang Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.